

Maulana Abdul Alim dalam ucapannya dalam Mesyuarat Agung Jamiah baharu-baharu ini menuduh bahawa banyak teguran-teguran didatangkan kepada Jamiah oleh orang-orang yang tidak mengetahui hal ehwal pentadbiran Jamiah. Jamiah itu umpama kanak-kanak dan kanak-kanak itu akan lambat menjadi balang disebabkan keadaan udaranya dan dengan sebab itulah Jamiah yang berumur 18 tahun masih maju lagi. Kita fikir Maulana tidak mengetahui bahawa selama 18 tahun Jamiah itu nampaknya digunakan oleh sebahagian orang untuk mencari nama dan supaya seseorang dikenal oleh orang lain. Kalau tak percaya cuba siasat.

-----*-----*-----

Bagaimana boleh maju?! Di dalam majlis itu Maulana Abdul Alim menasihatkan supaya jika dipilih ahli-ahli jawatankuasa Jamiah hendaklah pilih baik-baik – cari orang-orang yang boleh bekerja dan jangan dipilih orang yang dengan kerana perbuatannya akan merosakkan juga nama Jamiah seperti membuat kelakuan minum arak dan membuat pekerjaan yang asi. Itu betul tetapi satu minit sesudah ucapan itu maka setiausahanya mengesyorkan 28 nama supaya diperhatikan untuk jadi ahli jawatankuasa yang daripadanya didapati beberapa orang yang dipercayai taik arak, apa kata ahli-ahli Jamiah dan apa kata Maulana?



KOPI PAHIT

-----*-----*-----

“Redha masuk neraka asakan sahaja mendapat kemajuan bangsa dan tanah air” – kata wakil Pemuda UMNO tatkala menuntut meluluskan mengadakan loteri. Orang Melayu sudah papa dan sekarang hendak disuruh papa lagi kerana telah ditunjukkan judi itu membawa kepaan. Kalau sudah mahu masuk neraka kerana hendak mencari faedah bagi “bangsa dan tanah air” menurut pandangan kita tidak payah mengadakan loteri lagi. Katakan sahaja kepada missionari Kristian atau kadiani orang Islam hendak masuk Kristian atau kadiani, sudah tentu banyak sekolah, banyak perusahaan-perusahaan dan harus juga banyak masjid dijadikan gereja

kerana “faedah kemajuan bangsa dan tanahair”. Begini sama padahnya mehalalkan barang yang haram itu bahkan lebih mudah lagi mahukan bangsa maju tukar agama, habis perkara.

-----*-----*-----

Sekarang rancangan-rancangan menjadikan suatu rupa bangsa telah dianjurkan oleh “penganjur” Melayu. Ini kalau sudah didapati nanti akan terpinda pula suatu bab di dalam perjanjian Federation oleh sebab kebangsaan itu sudah menghapuskan keagamaan dan nanti dituntut supaya adat istiadat dan agama yang tidak dicampur itu tidak kena mengena lagi dengan pentadbiran. Kalau tetap pun maka Jabatan Agama yang sekarang hanya satu sahaja iaitu Pejabat-pejabat Agama Islam nanti akan ada cabang-cabangnya iaitu Agama Kristian, Agama Buddha, Agama Yahudi dan sebagainya dan ketuanya seorang “Riverant” ini akan datang kalau orang-orang beragama Islam tidak sedar diri sekarang. Sediakanlah payung sebelum hujan!

-----*-----*-----

Dari dahulu dirancangan mengadakan undang-undang Muhammadan Law (1935) itu orang Islam telah membantah oleh kerana undang-undang itu sebagai persendaan jua dijadikan perkakasan oleh pegawai-pegawai, dan anak-anak raja akan terkecuali. Sekarang masalah itu heboh lagi kerana undang-undang itu tak dapat berjalan penaja-penaja undang-undang itu lupa bahawa asas seseorang kepada agamanya itu ialah ikhlas dan ibadah atau pekerjaan yang tidak ikhlas itu sesia jua. Oleh itu patutlah orang ramai diberi pelajaran supaya ikhlas dan taat kepada agamanya. Selain daripada itu ambillah usaha-usaha yang berfaedah seperti memperundang-undangkan zakat harta kerana orang-orang yang tidak mengeluarkannya boleh dikerasi mengikut hukum agama sebab di dalamnya ada hak orang miskin. Mengadakan undang-undang ini lebih baik daripada mengadakan undang-undang Muhammadan Law itu. Adakah yang demikian itu tidak diendahkan oleh sebab banyak orang besar-besar takut keluar zakat? Cemati al-Farouk.